

TIED

TURTLE EXCLUDER DEVICE




JANGAN LAH

Bagaimana anda boleh membantu?

Penyu mendapat banyak ancaman daripada aktiviti-aktiviti manusia. Anda boleh membantu dengan:

1. Tidak menggunakan bahan letupan atau bahan kimia untuk menangkap ikan;
2. Tidak membuang sampah ke laut, terutamanya plastik (kadang-kala penyu keliru plastik tersebut adalah makanan!), bekas makanan, dan lain-lain. Sila bawa balik sampah sarap ke darat dan buang di tong-tong sampah yang disediakan.
3. Menyimpan plastik dan sampah sarap yang tersangkut di jaring pukut anda di atas kapal dan bukannya membuangnya semula ke laut, kemudian membuang dengan betul di darat. Jika tidak, setiap hari kita akan mengisi lautan dengan lebih banyak sampah...
4. Menggunakan TED pada pukut tunda udang.



SOALAN LAZIM TENTANG TED

Bolehkah saya tukar reka bentuk TED?

Boleh, sila rujuk kepada ruj. No. 1 di belakang risalah ini

Bolehkah saya tukar saiz TED?

Boleh, sila rujuk kepada ruj. No. 2 di belakang risalah ini

Bolehkah saya ubahsuai pelampung?

Boleh, sila rujuk kepada ruj. No. 3 di belakang risalah ini



Apakah ketebalan minimum logam yang boleh saya gunakan?

Bolehkah jarak diantara 2 palang dikecilkan?


Boleh, sila rujuk kepada ruj. No. 4 di belakang risalah ini

Aluminium: 1.3cm
Keluli Tahan Karat: 0.6cm
*Ruj No. 7




Bolehkah saya meletakkan pembukaan keluar di bahagian bawah?

Pembukaan Keluar (bahagian atas)



Boleh, sila rujuk kepada ruj. No. 5 di belakang risalah ini

Pembukaan Keluar (bahagian bawah)



Bolehkah saya menambah apa-apa kepada TED untuk menjadikannya lebih baik?

Bolehkah saya menukar sudut pada TED saya?





Boleh, sila rujuk kepada ruj. No. 10 di belakang risalah ini

Boleh, sila rujuk kepada ruj. No. 8 di belakang risalah ini


Berapakah besar saiz lubang injap diperlukan?

Lubang injap tunggal: 71" x 26"
Lubang dua injap bertindih: 56" x 20"







Bolehkah saya menggunakan hanya satu injap penutup keluar?



Boleh, sila rujuk kepada ruj. No. 5 di belakang risalah ini




Bolehkah jaring injap dipanjangkan lagi?



Tidak Boleh, Ruj. No. 11




Bolehkah saya menambah apa-apa untuk mengukuhkan TED?




Mmm...Boleh, tapi bagus kau rujuk kepada ruj. No. 12 di belakang risalah ini

ADA TED



TIADA TED



Mengapa kita mesti menggunakan TED?

Penyu memainkan peranan penting dalam menjaga kesihatan ekosistem laut dan mengekalkan rantai makanan. Penyu membantu memelihara kawasan rumput laut, di mana udang dan spesies ikan hidup. Dengan menggunakan TED, kita dapat menyelamatkan penyu dan penyu membantu menjaga kawasan rumput laut ini (sepertimana lembu membantu menjaga rumput yang sihat), di mana ia akan menghasilkan lebih banyak udang dan ikan (dan pendapatan!) untuk nelayan.

Tanpa penyu, tidak akan ada kawasan rumput laut yang sihat, dan ini akan mengakibatkan pengurangan hasil tangkapan udang, bererti makanan kita akan berkurangan!



KO TAU KA?

Mengapa penyu suka kawasan perairan cetek?

Penyu memerlukan udara untuk bernafas, dan sebab itulah mereka kerap berenang ke permukaan untuk bernafas. Tetapi penyu juga pemalas! Mereka tidak suka berenang terlalu dalam kerana terlalu jauh untuk berenang kembali ke permukaan – sebab itulah mereka menyukai perairan cetek kerana tidak banyak tenaga digunakan untuk berenang!

Air dalam



Air cetek



Penyu kadangkala dijumpai di perairan yang lebih dalam, tetapi hanya untuk merentasinya - mereka tidak tinggal di sana. Kebanyakan penyu tinggal di perairan cetek. Sudah tentu ada kemungkinan penyu tersangkut di dalam pukot tunda laut dalam tetapi kebarangkaliannya kecil jika dibandingkan dengan tertangkap di kawasan perairan cetek - di mana kebanyakan penyu tinggal, dan kebanyakan terdapatnya perikanan pukot tunda.

TANGKAP & LEPAS

Sekiranya anda tertangkap penyu secara tidak sengaja, anda boleh periksa jika penyu kelihatan lemah atau tidak aktif, letakkan penyu di tempat yang teduh...

posisikan penyu demikian, selama 30minit

20cm

Pastikan ia sihat & aktif!

Lepaskan penyu dengan hati-hati

Merekod Maklumat!

Jika boleh, ambil gambar penyu tersebut dan hubungi MRF (info@mrf-asia.org) dengan maklumat tersebut.

- Di mana? (lokasi gps)
- Bila? (tarikh + masa)
- Saiz penyu (cm/inci)
- Nama spesies
- tanda nama jika ada



SOALAN LAZIM TENTANG TED

- 1. Boleh saya tukar rekabentuk TED?** Sudah tentu! TED mempunyai beberapa syarat asas seperti saiz keseluruhan TED, jarak maksimum 10cm di antara 2 palang dan terdapat juga banyak jenis rekabentuk TED seperti bentuk bujur, bahagian bawah yang rata, segi empat tepat dan lain-lain. Semuanya berjaya!
- 2. Boleh saya tukar saiz TED?** Ya, anda boleh, tetapi ianya mesti memenuhi syarat minimum berikut: kelebaran 82cm (32") dan tinggi 82cm (32"). Anda juga boleh membuat TED yang lebih besar (bot yang lebih besar memerlukan TED yang lebih besar supaya lebih mudah untuk menyingkirkan sampah dan tangkapan yang tidak diperlukan). Banyak negara lain menggunakan TED yang tingginya 100cm!
- 3. Bolehkah saya mengubah suai pelampung?** Ya, boleh. Terdapat beberapa syarat minimum tetapi anda boleh menambah pelampung jika anda rasa perlu. Anda juga boleh meletakkan pelampung di sisi, selagi mereka tidak mengganggu injak. Keadaan terbaik TED adalah apabila TED ditunda kira-kira 30-40cm dari dasar laut.

Pelampung tidak boleh berada di hadapan palang atau mengganggu injak dengan apa cara sekalipun, tetapi anda boleh menambah pelampung. Memasang dua pelampung di sisi kiri dan kanan adalah sama dengan satu pelampung di tengah.

Untuk keputusan yang terbaik, jika lilitan TED adalah <300cm, anda perlu mempunyai sekurang-kurangnya satu pelampung keras berdiameter minimum 17cm dan panjang 22cm. Sekiranya lilitan TED adalah >300cm, anda memerlukan sekurang-kurangnya 2 pelampung berdiameter 17cm dan panjang 22cm. Cuba kombinasi yang berbeza dan pilih salah satu yang berfungsi untuk anda.

- 4. Bolehkah jarak diantara 2 palang dikecilkan?** Sudah tentu! Ruang sempit bermakna kurang sampah yang akan terperangkap dalam jaring atau pada bingkai TED. Pada mulanya ramai akan beranggapan bahawa ruang yang sempit akan menghalang ikan daripada memasuki jaring - anda akan mendapati dari masa ke masa ini tidak benar.
- 5. Bolehkah saya menggunakan hanya satu Injak penutup keluar?** Ya, sudah tentu. Terdapat 2 jenis yang dibenarkan, dua injak bertindih atau satu injak tunggal yang lebih besar. Satu-satunya perbezaan adalah saiz pembukaan, dengan injak tunggal anda memerlukan pembukaan yang lebih besar iaitu tinggi 66cm (26") dan dalam keadaan diregang jaring perlu hingga 180cm (71") lebar - apabila ditarik dari sisi ke sisi. Injak tunggal hanya boleh dijahit ke bawah sehingga panjangnya (6") dari selepas bingkai TED.
- 6. Bolehkah saya meletakkan pembukaan keluar di bahagian bawah?** Ya, ini sangat berguna di kawasan yang terdapat banyak sampah. Apabila sampah berkumpul dalam jaring, sampah ini akan mudah jatuh ke bawah jika pembukaan berada di bahagian bawah. Gravititi! Apabila pembukaan berada di bawah, pelampung perlu dipindahkan ke atas supaya TED tetap menjadi tegak.

Pembukaan keluar di bahagian atas adalah yang terbaik untuk penyu, tetapi penyu juga boleh keluar jika anda mahu meletakkannya di bawah. Satu masalah yang mungkin berlaku jika pembukaan di bawah adalah tekanan air kurang pada jaring untuk menutup rapat penutup keluar. Tetapi anda cubalah pada situasi yang berbeza dan lihat apa yang anda dapati! Sangat mudah untuk mengubah dan pusingkan TED supaya jaring pembukaan menghadap ke bawah, dan mengikat pelampung ke atas. Keadaan yang berbeza mungkin menjadikan pembukaan ke bawah lebih berkesan untuk jenis penangkapan anda.

- 7. Apakah ketebalan minimum logam yang boleh saya gunakan?** Sekiranya anda menggunakan aluminium, ketebalan minimum ialah 1.3cm (½"). Sekiranya anda menggunakan keluli tahan karat maka ketebalan minimum ialah 0.6cm (¼").
- 8. Bolehkah saya menukar sudut pada TED saya?** Anda boleh, tetapi perlu berhati-hati: Sudut boleh merangkumi dari 30° ke 55° dan keputusan terbaik didapati biasanya apabila ia di antara 45° dan 55°. Sekiranya sudut adalah curam (lebih daripada 55°) maka sampah dan penyu akan tersangkut pada palang TED dan tidak akan terkeluar dengan mudah - ini sebenarnya tidak dibenarkan. Tetapi jika sudutnya terlalu rendah, tekanan air tidak mencukupi untuk memastikan injak melekat ke atas bingkai TED, dan ini boleh mengakibatkan kehilangan tangkapan. Oleh itu, perlu ingat, jika terlalu curam adalah tidak bagus bagi penyu dan untuk menyingkirkan sampah, dan jika terlalu rendah, tidak bagus untuk tangkapan kita.

- 9. Berapa besar diperlukan untuk lubang keluar?** Kelebaran lubang keluar akan menentukan objek sebesar mana yang boleh dikeluarkan. Peraturan mengatakan bahawa lubang keluar mestilah tidak kecil daripada kelebaran palang dan ditolak 20cm (7½").

Pada TED dengan 2 penutup keluar bertindih, lebar lubang keluar perlu sekurang-kurangnya 140cm (56") apabila diregangkan, dan dengan penutup tunggal, kelebaran lubang keluar semasa diregang adalah 180cm (71").

- 10. Bolehkah saya menambah apa-apa kepada TED untuk menjadikannya lebih baik?** Sekali lagi, sudah tentu anda boleh. Sesetengah orang suka meletakkan corong pemecut di hadapan TED - ini menumpukan penangkapan ke arah tengah dan memastikan tidak ada yang hilang melalui lubang keluar. Pembukaan corong pemecut hendaklah sekurang-kurangnya 100cm lebar apabila diregang.

Kami juga mengesyorkan penggunaan pintu perangkap bersama pelampung kecil di belakang TED. Secara amnya, ianya sebuah jaring bersaiz 1m x 1m yang dijahit di sebelah bawah jaring utama dengan beberapa pelampung kecil di hujungnya. Apabila kapal berhenti, pintu perangkap ini akan terapung dan menutup jalan keluar untuk ikan-ikan daripada terlepas.

- 11. Bolehkah Injak keluar dipanjangkan lagi?** Malangnya tidak boleh. Ia boleh dijadikan lebih pendek, tetapi ini mungkin bukan idea yang baik, kerana kita ingin pastikan injak keluar ditutup rapat dan melekat pada bingkai TED anda. Panjang maksimum injak (sama ada tunggal atau dua jaring) dari hujung bingkai TED ialah 61cm (24").

Pada 2 injak bertindih, anda boleh menjahit penutup disisi hingga ke hujung bawah, tetapi, pada injak tunggal anda hanya boleh menjahitnya maksimum 15cm (6") selepas hujung bingkai TED.

- 12. Bolehkah saya menambah apa-apa untuk mengukuhkan TED?** Ya, dan banyak nelayan melakukan pembaikan jika mereka risau TED tidak tahan atau rosak - seperti di kawasan dengan banyak kayu besar. Anda boleh mengimpal palang di belakang TED di tengah untuk memberikan ketegaran tambahan jika anda fikir anda memerlukannya. Kami biasanya tidak menambahnya untuk mengurangkan berat TED.